

# **Kejayaan Penyelesaian Kes**

## **PULAU PINANG/KEDAH/PERLIS**

### **PCB.287996: KEADAAN SUNGAI YANG SEMAK MENGGANGGU SISTEM SALIRAN PERTANIAN PADI**

20 April 2022 - Biro Pengaduan Awam (BPA) Negeri Pulau Pinang/Kedah/Perlis telah menerima aduan daripada petani mengenai sungai yang dipenuhi tumbuhan kemeling telah menyebabkan sejumlah petani mengalami kerugian kerana benih yang ditabur ditenggelami air.

#### **Tindakan Penyelesaian**

Pada awal Mac 2022, Pihak Wilayah I telah melantik kontraktor PPK D-I, Tambun Tulang untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan tali air dan parit. (10 Mac 2022 - 10 Mei 2022 (2 bulan). Kawasan pembersihan ini melibatkan 5 Blok Pengairan iaitu ARBD3, ARBD4, ALBD4, ALBD5 dan ALBD6. Pada 22 April 2022, pihak MADA telah menyediakan jentera *excavator* di lokasi terlibat bagi membantu mempercepatkan proses pembersihan/pembuangan kemeling seterusnya melancarkan aliran air di Parit Sekunder ALBDr 5.

Kesan tindakan MADA telah mengurangkan kejadian air bertakung di kawasan terlibat dalam tempoh 2 hingga 3 hari selepas kejadian hujan lebat. Pembuangan kemeling tersebut telah membolehkan pengaliran air ke 524 hektar tanah sawah padi yang menjadi punca pendapatan bagi 50 orang peladang di kawasan Tambun Tualang.

#### **Keadaan sebelum**





**Keadaan Selepas**

